
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari 2002

**IEK 106/3 – SISTEM PERUNDANGAN PERSEKITARAN,
KESIHATAN DAN KESELAMATAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Kaji petikan di bawah dan sebutkan perundangan Akta Kualiti Alam Sekeliling serta peraturan-peraturan di bawahnya.

Pada minggu lepas pegawai Jabatan Alam Sekitar telah menjumpai dua puluh empat bekas plastik yang dipercayai mengandungi asid sulfurik (untuk kegunaan industri) dan 16 bekas kosong lain yang telah disimpan secara haram di kawasan kosong. Bekas-bekas ini kemudiannya telah didapati hilang.

Pegawai Jabatan Alam Sekitar dan Majlis Perbandaran telah ke tapak tersebut dan mendapatinya hilang dan hasil penyiasatan di tapak menjumpai hanya 4 tong – dua berisi penuh dengan asid dan dua lagi adalah kosong. Terdapat tanda tumpahan asid di tanah. Persampelan tanah dilakukan untuk analisis.

Pegawai Jabatan Alam Sekitar telah melaporkan perkara tersebut kepada polis. Nama tiga syarikat yang tertera di bekas-bekas tersebut terdiri daripada dua pembekal dan satu agen pemasaran. Wakil daripada dua syarikat tersebut telah pergi ke tapak bersama pegawai JAS untuk mengenalpasti bekas-bekas tersebut.

Bekas-bekas yang dijumpai seterusnya dibawa balik dan disimpan sebagai bukti jika kes pergi ke mahkamah. Wakil daripada satu syarikat pembekal, En. Ali, mengesahkan bahawa asid digunakan untuk industri, namun tidak dapat pastikan industri mana yang menggunakan asid dari bekas yang dijumpai kerana mereka membekalkan asid tersebut kepada banyak industri. Namun syarikat beliau akan bekerjasama dengan pihak JAS dalam penyiasatan mereka.

Seorang pegawai kesihatan dari Majlis Perbandaran telah pergi memeriksa impak di tapak; kebimbangan yang utama adalah sebuah sungai yang terletak berhampiran dan merupakan sumber air bekalan untuk penduduk di daerah tersebut. Pegawai tersebut tidak menjumpai saluran yang boleh membawa air tercemar ke sungai tersebut. Namun ujian pencemaran air tanah harus dijalankan.

(20 markah)

...3/-

2. Seorang pegawai United Nations Environment Programme meminta supaya pengharaman eksport sisa berbahaya dari negara maju ke negara membangun disokong.

Sebenarnya perkara yang sebalik juga berlaku, iaitu pengeksportan bahan sisa berbahaya dari Malaysia ke Taiwan pernah dicuba oleh setengah pihak seperti yang terdapat dalam satu petikan akhbar.

Pelabuhan Klang: Satu kilang logam berat yang mencuba menghantar menerusi laut melalui Pelabuhan Klang, dua kontener yang berisi 36 tan bahan sisa terjadual ke Taiwan telah dapat dipatahkan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor. Pengarah JAS Negeri Selangor telah mendapat maklumat dari orang awam bahawa syarikat berkenaan sedang mencuba melupuskan bahan sisa terjadual dengan menghantarnya di dalam dua kontener ke Taiwan. JAS telah memerhatikan pergerakan kilang tersebut dan menyerahkan maklumat ke Jabatan Eksis dan Kastam. Jabatan Eksis dan Kastam serta JAS berjaya menghalang kontener tersebut daripada diangkut ke dalam kapal. Syarikat tersebut disyaki mencari jalan lebih murah untuk melupuskan bahan terjadual dengan menghantar ke Taiwan daripada menghantarnya ke Kualiti Alam.

(20 markah)

3. Baca petikan akhbar dan nyatakan perundangan yang berkaitan:

Ekoran daripada rungutan orang ramai, kerajaan Selangor telah mengarahkan semua Jabatan Tanah untuk mengenalpasti tapak untuk penempatan kembali kilang yang wujud di tebing sungai-sungai utama. Ini adalah kerana pencemaran yang berlaku di Sungai Langat yang mengakibatkan loji pembersihan air di Cheras terpaksa ditutup tiga kali tahun lepas. Penutupan loji tersebut telah memutuskan bekalan air kepada orang ramai. Kilang yang pertama sekali yang akan dipindahkan adalah yang menyimpan minyak diesel. Jabatan Alam Sekitar akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Eksekutif Negeri untuk mengenalpasti kilang yang terbabit.

...4/-

Dua sungai utama iaitu Sungai Langat dan Sungai Semenyih akan diberi keutamaan kerana merupakan sumber air untuk Bukit Jalil.

Kebanyakan kilang tidak mempunyai loji rawatan air sisa yang beroperasi dengan berkesan dan kerap kali effluen yang dilepaskan tidak mematuhi had yang dikenakan. Pengendalian dan penyelenggaraan loji tidak dilakukan dengan baik dan sempurna.

(20 markah)

4. Nyatakan perundangan yang berkaitan.

- (a) *Malaysia masih meluluskan penggunaan asbestos putih dalam pembinaan dan pada tahun 1999 dua kematian yang berpunca daripada asbestos telah dilaporkan. Kes ini dipastikan oleh seorang doktor kesihatan pekerjaan yang menjejak pekerjaan kedua mangsa asbestosis ini. Keduanya telah terdedah kepada asbestos di tempat kerja yang membuat simen asbestos semenjak 1960 (40 tahun dahulu). Oleh kerana kesan asbestos mengambil masa yang lama, maka ramai lagi yang disyaki akan mati daripada kesan asbestos terutama mereka yang bekerja di kilang asbestos dua atau tiga puluh tahun dahulu.*

Masih banyak rumah, hospital, sekolah dan gudang-gudang yang menggunakan siling, panel dan dinding berasaskan asbestos. Menurut The Malaysian Medical Association, terdapat perundangan yang melindungi pekerja yang bekerja di kilang yang membuat asbestos, walaupun tidak memadai. Namun apakah perlindungan yang diberikan kepada mereka yang bekerja meruntuhkan atau mengubahsuaikan bangunan yang mengandungi asbestos?

(10 markah)

...5/-

- (b) *Di Johor Bharu, 21 Jun 2001, sembilan pekerja telah mati dalam satu kebakaran kilat semasa menjalankan kerja mengimpal dalam kapal yang membawa minyak mentah yang berlabuh di Pelabuhan Pasir Gudang untuk diperbaiki. Satu pasukan Pertolongan Kecemasan bergegas ke tempat tersebut setelah amaran berbunyi tetapi tidak dapat memasuki tangki yang panas sehingga ianya sejuk selepas 20 minit kemudian. Tangki kapal minyak mentah selalunya mengandungi gas hidrokarbon tetapi kes ini tangki tersebut tidak diberikan pengudaraan yang sempurna oleh kerana kapal tidak beroperasi.*

(10 markah)

5. Apakah keperluan perundangan dalam penggunaan bahan kimia di tempat kerja.

(20 markah)

6. (a) Bincangkan Peraturan di bawah Bahagian IV iaitu Tanggungjawab am majikan dan mereka yang bekerja sendiri, kepada pekerja.

(15 markah)

- (b) Bincangkan pula tanggungjawab pekerja.

(5 markah)